

IMAM MAHDI DAN ISU SEMASA DI MALAYSIA

Ahmad Najaa Mokhtarⁱ, Mohammed Amin Aliⁱⁱ & Muhammad Khairi Mahyuddinⁱⁱⁱ

ⁱ Prof. Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. najaa@usim.edu.my

ⁱⁱ Prof. Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. muhdkhairi@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. maminali@usim.edu.my

Abstrak

Kertas ini membincangkan kedudukan Imam Mahdi menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah, dengan menekankan kefahaman akidah sebenar serta isu-isu kontemporari di Malaysia berkaitan dakwaan palsu terhadap kemunculan Imam Mahdi. Perbahasan ini mengambil kira sumber sahih termasuk hadis mutawatir dan pandangan para ulama muktabar, di samping mengupas tindakan pihak berkuasa agama dalam mengekang ajaran sesat berkaitan Mahdi. Artikel ini juga memberi saranan agar umat Islam sentiasa merujuk kepada pihak berautoriti demi memelihara akidah daripada penyelewengan.

Kata kunci: Imam Mahdi, akidah, Ahli Sunnah Wal Jamaah, ajaran sesat, Malaysia

PENDAHULUAN

Imam Mahdi merupakan salah satu tokoh eskatologi Islam yang menjadi perbahasan penting dalam kalangan ulama sejak berabad lamanya. Dalam tradisi Ahli Sunnah Wal Jamaah, kepercayaan terhadap kemunculan Imam Mahdi di akhir zaman merupakan sebahagian daripada akidah yang tidak boleh dipandang remeh (Mokhtar, 1987). Hadis-hadis tentang Imam Mahdi mencapai darjat mutawatir, diriwayatkan oleh ramai sahabat seperti Ali bin Abi Talib, Ibn Mas'ud, Abu Hurairah, dan Ummu Salamah, lalu disahkan oleh ulama hadis besar seperti al-Suyuti dan Ibn Hajar al-'Asqalani (al-Muttaqi al-Hindi, 2019).

Namun, dalam sejarah Islam, munculnya pelbagai dakwaan palsu berkaitan Imam Mahdi sering kali menimbulkan kekeliruan dan penyelewengan. Hal ini lebih ketara dalam konteks Syiah Imamiyyah yang mempercayai Imam Mahdi ghaib sejak abad ke-3 Hijrah, berbeza dengan Ahli Sunnah yang menolak dakwaan tersebut ('Aqd al-Durr, 1989). Dalam konteks Malaysia, isu Mahdi sering dikaitkan dengan ajaran sesat seperti Al-Arqam, Rufaqa, serta individu yang mengaku sebagai Mahdi. Kesemua ini membawa implikasi buruk kepada akidah dan kestabilan masyarakat Islam (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2015).

Kajian ini bertujuan menghuraikan konsep Imam Mahdi menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan merujuk kepada kitab klasik dan moden, meneliti hujah ulama terhadap penolakan hadis Mahdi oleh Ibn Khaldun, serta mengaitkan dengan isu semasa yang berlaku di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Kitab-kitab klasik memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan Imam Mahdi. Antaranya, 'Aqd al-Durr fī Akhbār al-Muntazar menghimpunkan hadis-hadis yang berkaitan dengan Mahdi, membuktikan bahawa kedudukannya bukan rekaan atau dongeng, tetapi berasaskan riwayat yang diterima dalam kalangan ulama hadis ('Aqd al-Durr, 1989). Antara hadis yang menyebutkan tentang Imam Mahdi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: المَهْدِيُّ مَيِّ أَجْلَى الْجِبْهَةِ أَقْنَى الْأَنْفِ يَمَلَأُ الْأَرْضَ قِسْطًا وَعَدْلًا كَمَا مُلِئَتْ ظُلْمًا وَجورًا يَمْلِكُ سَبْعَ سِنِينَ. (رواه أبو داود، رقم 4285)

Maksudnya: "Mahdi itu dari keturunanku, dahinya luas, hidungnya mancung, dia akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia dipenuhi dengan kezaliman dan kejahatan." (Abu Dawud, 2013).

Kitab Talkhīṣ al-Bayān fī 'Alāmāt Mahdī al-Zamān karya al-Muttaqi al-Hindi (2019) membentangkan ciri-ciri Imam Mahdi, nasabnya daripada keturunan Hasan bin Ali, sifat kepimpinannya, dan peranannya menegakkan keadilan setelah dunia dipenuhi kezaliman. Kitab ini juga menekankan bahawa hadis-hadis tentang Mahdi tidak boleh ditolak hanya kerana sebahagian sanadnya dipertikaikan, kerana jumlah riwayat yang banyak mencapai taraf mutawatir.

Mokhtar Yaacob (1987), menjelaskan ulama turut menegaskan bahawa kesepakatan ulama terdahulu dan kemudian (ijmak) menjadi dalil kukuh tentang kewujudan Imam Mahdi. Penolakan Ibn Khaldun terhadap hadis Mahdi dikritik kerana metodologi beliau dianggap selektif, hanya menekankan hadis daif tanpa menilai hadis sahih.

Selain itu, perbincangan tentang nubuwwah juga memberi kaitan rapat kepada isu Mahdi. Menurut Juwaini & Aminuddin (2011), konsep nubuwwah adalah kesinambungan anugerah Ilahi yang membimbing manusia ke arah kebenaran. Meskipun Nabi Muhammad SAW adalah penutup segala nabi, kemunculan Mahdi sebagai pemimpin yang membela agama tidak bercanggah dengan konsep nubuwwah kerana beliau bukan nabi, sebaliknya pemimpin soleh yang dijanjikan Allah (An-Nubuwwah, 2011).

Dalam penulisan Imam Mahdi Menurut Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Mokhtar Yaacob (1987) pula menjadi salah satu sumber moden yang menghubungkan pemahaman klasik dengan konteks kontemporari. Beliau menegaskan bahawa mempercayai Imam Mahdi adalah sebahagian daripada akidah Ahli Sunnah, sekali gus menolak dakwaan bahawa Imam Mahdi hanyalah mitos atau dongeng yang diambil daripada budaya luar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian perpustakaan. Kaedah ini menekankan pengumpulan data daripada kitab-kitab turath, karya ulama moden, jurnal akademik, dan dokumen rasmi pihak berkuasa agama.

Kitab-kitab klasik yang dirujuk termasuk ‘Aqd al-Durr, Talkhīṣ al-Bayān, dan karya al-Suyuti yang mengumpulkan hadis-hadis Imam Mahdi. Sementara itu, sumber moden yang digunakan termasuk Mokhtar Yaacob (1987) dan artikel akademik seperti Konsep An-Nubuwwah dalam Diskursus Filsafat (2011).

Selain itu, dokumen rasmi seperti fatwa Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (2015) turut menjadi data penting untuk menilai bagaimana isu Imam Mahdi ditangani dalam konteks Malaysia. Analisis dokumen ini dilakukan dengan menilai kesahihan sumber, ketulenan hujah, dan kesesuaian dengan prinsip akidah Ahli Sunnah.

DAPATAN KAJIAN

Pertama, kajian mendapati terdapat ijmak ulama Ahli Sunnah tentang kewujudan Imam Mahdi. Hampir semua mazhab utama dalam Islam seperti Syafi‘i, Maliki, Hanbali, dan Hanafi menerima kemunculan Imam Mahdi berdasarkan hadis-hadis mutawatir (al-Muttaqi al-Hindi, 2019).

Kedua, hadis-hadis tentang Mahdi diriwayatkan dalam pelbagai sumber hadis utama. Antaranya, Abu Dawud, Tirmidhī, Ibn Mājah, Musnad Ahmad, al-Hākim, al-Bazzar, al-Tabarāni, dan Ibn Hibbān. Jumlah hadis yang banyak ini menjadi asas kepada ulama dalam mengiktiraf kemunculan Mahdi sebagai satu hakikat akidah (‘Aqd al-Durr, 1989).

Ketiga, penolakan Ibn Khaldun terhadap hadis Mahdi tidak menjejaskan ijmak ulama. Pandangan beliau dianggap terpencil kerana memilih hadis daif tanpa menilai hadis sahih yang jelas mendukung konsep Mahdi. Ulama seperti al-Suyuti dan al-Muttaqi al-Hindi telah membuktikan kelemahan analisis Ibn Khaldun (Mokhtar, 1987).

Keempat, dalam konteks Malaysia, ajaran sesat yang mengangkat individu tertentu sebagai Imam Mahdi telah menimbulkan ancaman akidah. Antara yang terkenal ialah kes Al-Arqam, Rufaqa, dan beberapa individu lain. Pihak berkuasa agama telah mengeluarkan fatwa bahawa semua ajaran tersebut sesat dan bercanggah dengan Islam (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2015).

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa hampir semua mazhab dalam Ahli Sunnah menerima kewujudan Imam Mahdi. Dalil utama adalah hadis-hadis yang mutawatir. Antara hadis lain yang sering dirujuk ialah:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «لا تذهب الدنيا حتى يملك العرب رجل من أهل بيتي، يواطئ اسمه اسمي» (رواه الترمذي، رقم 2230).

Maksudnya: “Tidak akan hilang dunia ini sehinggalah seorang lelaki daripada ahl al-baytku (keturunanku) memimpin orang Arab, namanya serupa dengan namaku.” (al-Tirmidhī, 2016).

Hadis ini menegaskan bahawa nama Imam Mahdi adalah Muhammad bin Abdullah, sejajar dengan nama Nabi SAW. Menurut Ibn Kathir (2010), kesepakatan ulama tentang hal ini menguatkan lagi kewajipan mempercayai kemunculannya.

Perbezaan besar antara Ahli Sunnah dan Syiah dalam isu Imam Mahdi sangat ketara. Ahli Sunnah menegaskan bahawa Mahdi ialah seorang lelaki daripada keturunan Hasan bin Ali yang akan muncul di akhir zaman untuk menegakkan keadilan. Sebaliknya, Syiah mendakwa Mahdi telah lahir tetapi ghaib selama berabad-abad dan akan muncul kembali. Dakwaan ini dianggap bercanggah dengan logik dan nas syarak (al-Suyuti, 1996).

Selain itu, ajaran sesat yang mendakwa seseorang sebagai Mahdi memberi kesan sosial dan politik yang besar. Ia boleh menimbulkan perpecahan dalam masyarakat, penyalahgunaan kuasa agama, bahkan membawa kepada pemberontakan. Oleh itu, pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa agama amat penting bagi mengawal penyebaran fahaman salah ini (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2015).

Sebagai contoh, dakwaan Imam Mahdi oleh seorang pengusaha tempe berusia 49 tahun di Shah Alam, didenda RM4,500 oleh Mahkamah Majistret kerana memfitnah seorang ustaz sebagai Dajjal pada 29 Oktober 2023, melanggar Seksyen 499 Kanun Keseksaan. Dakwaan dibuat semasa ceramah di masjid, dan tertuduh mengaku bersalah, dengan alternatif penjara tiga bulan jika denda tidak dibayar (Astro Awani, 2024).

Dalam konteks pendidikan, isu Imam Mahdi perlu dijelaskan dalam kurikulum akidah di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Kefahaman yang sahih akan mengelakkan generasi muda daripada terjebak dalam kekeliruan yang ditiup oleh kumpulan sesat. Peranan media juga penting dalam menyebarkan pengetahuan akidah yang benar (Mokhtar, 1987).

KESIMPULAN

Imam Mahdi adalah tokoh yang dijanjikan Allah untuk muncul di akhir zaman, membawa keadilan setelah dunia dipenuhi kezaliman. Ahli Sunnah Wal Jamaah telah bersepakat bahawa mempercayai Imam Mahdi adalah sebahagian daripada akidah Islam. Hadis-hadis tentang beliau mutawatir, sahih, dan disokong oleh ulama muktabar (al-Muttaqi al-Hindi, 2019).

Penolakan Ibn Khaldun adalah pandangan minoriti yang tidak menjejaskan ijmak ulama. Sebaliknya, ulama besar seperti al-Suyuti, Ibn Hajar, dan al-Muttaqi al-Hindi menegaskan kewajipan mempercayai Mahdi. Dalam konteks Malaysia,

penyelewengan yang mendakwa kemunculan Mahdi perlu ditolak, manakala pendidikan akidah dan pemantauan ajaran sesat perlu diperkasa.

Oleh itu, umat Islam perlu berpegang kepada dalil sahih, pandangan ulama muktabar, serta berhati-hati daripada penyelewengan yang boleh merosakkan iman. Isu Imam Mahdi bukan sekadar wacana teologi, tetapi juga persoalan akidah yang memberi kesan kepada keselamatan aqidah umat Islam di Malaysia.

RUJUKAN

Buku

- Abu Dawud, Sulayman al-Ash'ath. (2013). *Sunan Abi Dawud*. Damascus: Mu'assah al-Risalah.
- al-Muttaqi al-Hindi. (2019). *Talkhīṣ al-Bayān fī 'Alāmāt Mahdī al-Zamān** (M. B. Hijazi, Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. (1996). *Arf al-Wardi fī Akhbār al-Mahdi*. Kaherah: Dar al-Kutub.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (2016). *Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah: Dar Al-Ta'sil.
- Ibn Kathir, Ismail. (2010) *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Maqdisi, Yusuf Yahya. (1989). *'Aqd al-Durr fī Akhbār al-Muntazar*. Al-Zarqa': Maktabah Al-Manar.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2015). *Bayan Linnas Siri 45*. Kuala Lumpur: JAWI.
- Mokhtar Yaacob (1987). *Imam Mahdi Menurut Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Pekan: Pustaka al-Taufiqiyyah.

Jurnal

- Juwaini & Aminuddin (2011). Konsep an-Nubuwwah Dalam Diskursus Filsafat. *Jurnal Substantia*, 13(2), 197–200.

Internet

- Astro Awani. (2024, September 3). Mengaku Imam Mahdi, pengusaha tempe didenda RM4,500. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengaku-imam-mahdi-pengusaha-tempe-didenda-rm4500-407558>